

Unsur Burung Dalam Pantun: Analisis Semantik Inkuisitif Elements Of A Bird In Pantun: Semantic Inquisitive Analysis

Maulana Al-Fin Che Man
Nor Hashimah Jalaluddin

Pusat Bahasa Dan Linguistik
Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan
Universiti Kebangsaan Malaysia

Correspondence : Maulana Al-Fin Che Man (maulanaalfin91_ukm@yahoo.com)
Nor Hashimah Jalaluddin (shima@ukm.edu.my)

ABSTRAK

Pantun dan masyarakat mempunyai hubungan yang begitu akrab. Pantun Melayu menyerlahkan pemikiran, emosi, pengalaman, harapan dan sentimen manusia Melayu. Keindahan pantun tersebut dapat dilihat melalui ciri-ciri dalamannya yang tepat, mengandungi pengertian, pemikiran dan falsafah yang keseluruhannya terkandung dalam sebuah ungkapan. Dalam ungkapan pantun yang terdiri daripada baris pembayang dan baris maksud, terdapat unsur alam seperti flora dan fauna yang digunakan untuk membentuk sebuah pantun. Kajian ini bertujuan untuk meneliti unsur fauna serta kaitan dengan manusia dengan memfokuskan kepada unsur burung. Bagaimana masyarakat Melayu dahulu mengaitkan unsur burung dan manusia dalam pantun? Persoalan ini menjadi tunjang utama dalam kajian ini. Objektif kajian ini adalah untuk mengkategorikan burung mengikut tabiatnya dalam pantun Melayu, menganalisis kolokasi, pembayang dan makna dan menghurai pemikiran dan tafsiran akal budi Melayu di sebalik kolokasi, pembayang dan makna pantun yang berunsurkan burung. Kajian ini difokuskan kepada data pantun yang berunsurkan burung dalam buku Kurik Kundi Merah Saga Kumpulan Pantun Lisan Melayu (1990). Terdapat sebanyak 65 pantun yang berunsurkan burung. Penganalisisan kajian difokuskan terhadap tiga jenis burung yang paling dominan dalam pantun Melayu iaitu burung merpati, burung pipit dan burung tiong. Dalam kajian ini pengkaji menerapkan konsep ad hoc dan pendekatan semantik inkuisitif serta pembuktian secara saintifik. Dapatkan kajian mendapati bahawa burung merupakan perlambangan kepada manusia itu sendiri. Ada burung yang merujuk kepada kasih sayang, percintaan dan kesetiaan manusia iaitu wujud dalam pantun burung merpati. Kemudian ada burung yang merujuk kepada status, darjat dan kedudukan di antara manusia di dunia ini yang wujud dalam pantun burung pipit. Malah ada juga burung yang merujuk kepada kesedihan, kekecewaan dan kedukaan yang dihadapi oleh manusia yang wujud dalam pantun burung tiong. Lantas kajian secara tidak langsung dapat mencungkil ketajaman dan kebijaksanaan masyarakat Melayu.

Kata Kunci: burung, pantun, ad hoc, semantik inkuisitif, akal budi

ABSTRACT

Malay poetry is a form of enchanting, poetic literature work by the Malay society. The beauty of poetry can be seen through duplicated hints and meanings conveyed; in relation to Malay thoughts and reasoning. Poetry reflects the Malay society that is satiated with indigenous culture and politeness. The idea of this research is to observe the elements of fauna conveyed in Malay poetry; and their relation to

human beings by focusing specifically on the elements of birds. How did the olden Malay society relate bird elements with human elements? To answer this question is the main objective of this research. Up to 65 poetries with the context of bird elements have been gathered from the book entitled ‘Kurik Kundi Merah Saga: Kumpulan Pantun Lisan Melayu (1990)’. In the process of analyzing this research topic, focus was brought upon 6 poetries in which three types of birds are the most dominant, which are; pigeons, sparrows, and mynas. The ad hoc analysis and the approaches of inquisitive semantics is employed in this study. The “Broadening” ad hoc concept is used in interpreting metaphorical expressions, while the “Narrowing” ad hoc concept works in interpreting ambiguity lexical. The approach that is applied in this research comprised of authentic, cognitive, contextual, and cultural data; and will lead to the explicating of the philosophy and the Malay mind. The result of the research came to a conclusion that the creation of poetries contains its own analogies; pigeons symbolize love, sparrows symbolize status, and mynas symbolize emotion. In addition, the result of this research has also shown the unyielding intelligence of the olden Malay society in creating admirable, poetry expressions.

Key Words: *birds, poetry, ad hoc, inquisitive semantic, Malay mind,*

1.0 Pengenalan

*Hendak daun diberi daun,
Dalam daun ada bidara;
Hendak pantun diberi pantun,
Dalam pantun ada bicara.*

Pantun di atas menunjukkan bijaknya orang Melayu menghasilkan ujaran pantun dalam bicara. Mereka merupakan seniman yang sangat kreatif, pemikir yang tajam, mereka juga perenung alam buana, mereka dekat dengan masyarakat dan alam flora dan fauna. Dalam mencipta karya, diselit segala kebijaksanaan, kehalusan perasaan dan budi pekerti tidak kira dalam bentuk peribahasa, prosa, puisi (pantun, seloka, gurindam dan syair) yang sarat dengan makna penuh tersirat, yang ‘terselindung’, yang melintasi batasan “pemikiran yang logik”, yang tidak bersifat linear, tetapi literal dan bercambah (Hassan Ahmad, 2003). Selain itu, Menurut R. J. Wilkinson & R. O. Winstedt (1961) “*orang asing yang belum mengenal pantun, boleh dikatakan orang itu belum mengenal rohani dan jalan fikiran orang Melayu yang sebenar*”. Pantun merupakan sebuah warisan teras hati budi masyarakat Melayu yang penuh dengan kesantunan dan nilai-nilai yang luhur.

Dalam kajian ini, pengkaji akan melihat unsur burung dengan menggunakan data pantun daripada buku *Kurik Kundi Merah Saga Kumpulan Pantun Lisan Melayu* (1990). Pengkaji akan mengkategorikan setiap burung mengikut gelagatnya yang terdapat dalam pantun Melayu. Melalui kajian ini, pengkaji menggunakan konsep *ad hoc* yang terdapat dalam Teori Relevans oleh Dan Sperber dan Dierde Wilson (1986) dan pendekatan semantik inkuisitif oleh Nor Hashimah Jalaluddin (2014) untuk mencungkil akal budi dan falsafah yang terdapat dalam pantun yang berunsurkan burung tersebut. Pada akhir kajian ini, hasil daripada analisis data dapat membentuk domain bagi setiap jenis burung yang dipilih dalam pantun Melayu. Di samping itu, melalui analisis data pantun ini pengkaji juga akan mencungkil makna pantun Melayu bukan hanya pada peringkat kognitif malah sehingga ke dasar akal budi dan falsafah Melayu.

Bagi menjelaskan pewajaran pemilihan unsur “burung” dalam kajian ini, pengkaji cuba menyentuh beberapa keistimewaan haiwan tersebut. Menurut *Kamus Dewan Edisi Keempat* (2015), menjelaskan burung merupakan binatang yang berbulu, berkaki dua dan bersayap (biasanya dapat terbang) atau juga dikenali sebagai unggas. Burung adalah antara salah satu haiwan yang sangat istimewa kerana dalam sejarah pertama pembunuhan di dunia iaitu pembunuhan Habil yang telah dibunuh oleh Qabil. Dalam kitab suci al Quran, Surah Al Maaidah [5]: 31] Allah berfirman:

“Kemudian Allah hantarkan seekor burung gagak (menyuruhnya) mengorek-ngorek di bumi supaya, diperlihatkan kepada (Qabil) bagaimana cara menimbus mayat saudaranya. (Qabil) berkata: “wahai celakanya aku! Alangkah lemah serta bodohnya aku, aku tidak tahu berbuat seperti burung gagak ini, supaya aku dapat menimbus mayat saudaraku?” Kerana itu menjadilah ia dari golongan orang-orang yang menyesal.

Surah Al- Maaidah [5: 31]

Petikan ayat al-Quran di atas dapat menunjukkan bahawa hubungan manusia dengan burung sebenarnya telah lama wujud berjuta-juta tahun dahulu. Di samping itu, manusia pada zaman dahulu hingga ke hari ini juga menjadikan burung sebagai bahan makanan. Manakala bulunya pula dijadikan pakaian bagi melindungi tubuh badan mereka daripada kesejukan semasa musim sejuk. Keistimewaan burung juga ada disebut dalam Surah Al-Fill [105: 3 - 4]

“Dan Ia telah menghantarkan kepada mereka (rombongan) burung berpasukan-pasukan, yang melontar mereka dengan batu-batu dari sejenis tanah yang dibakar keras”

Surah Al-Fill [(105): 3 - 4]

Secara umumnya, burung merupakan haiwan yang amat berguna kepada hidupan lain di muka bumi ini. Burung bukan sahaja berfungsi sebagai rantaian makanan kepada hidupan kebanyakan hidupan liar yang lain, tetapi juga berguna sebagai agen penyebaran biji benih kepada banyak spesis tumbuhan. Dalam masyarakat Melayu, burung bukan sahaja dijadikan bahan makanan, malah juga sebagai kawan penghibur semasa waktu riadah atau waktu rehat (Jasmi Abdul, 2016). Sejak dahulu lagi, orang Melayu menjadikan burung tekukur dan burung merbuk sebagai burung kesayangan bagi menghiburkan hati mereka pada waktu lapang. Di sini, pengkaji mendapati bahawa unsur burung di alam Melayu sangat sinonim dan sangat rapat. Lantas menjadikan satu kepentingan bagi pengkaji untuk melihat lebih mendalam tentang unsur burung dalam ungkapan masyarakat Melayu iaitu “pantun”.

2. Sorotan Kajian Lepas

Penelitian terhadap kajian pantun semakin mendapat tempat dan perhatian dalam kalangan pengkaji-pengkaji tempatan mahupun pengkaji barat. Namun berdasarkan penelitian pengkaji, didapati kajian pantun Melayu hanya dibicarakan secara umum pada peringkat permukaan sahaja. Antara pengkaji lepas yang meneliti pantun dalam pemikiran Melayu adalah seperti Muhamad Fadzllah (2015) kajian yang bertajuk *Analisis Pemetaan Metafora Unsur Flora dan Fauna dalam Pantun Melayu: Satu Tinjauan Awal* yang melihat kepada makna kognitif terhadap data pantun sebelum ini. Beliau menggunakan pendekatan Metafora Rantaian Utama Makhluk

yang merupakan kunci utama kepada makna dan interpretasi pantun Melayu berkaitan unsur flora dan fauna untuk menunjukkan perkaitan pantun yang terdapat unsur alam dengan manusia. Antara contoh data yang digunakan oleh beliau ialah;

Burung merbuk burung merpati,
Terbang berpusing hala bendang,
Wajah elok menawan hati,
Siang malam hamba terkenang.

Interprestasi unsur fauna dibuat berdasarkan ciri burung merbuk yang merupakan golongan burung merpati. Menurut Kevin P. Johnson (2001), burung ini tidak begitu suka berkelompok dan biasanya hidup bersendirian atau dalam pasangan. Burung ini jinak dan bunyi-bunyi yang mengejutkan menyebabkan burung ini terbang. Berikut merupakan Skema Metaforikal Pantun Kasih Sayang di atas

SUMBER	SASARAN
Burung Merbuk Burung Merpati	→ Pasangan kekasih
Terbang	→ Perasaan yang tidak terhingga
Berpusing	→ Masa (perlambangan jam)
Bendang	→ Tempat bermain/Makan

Pemetaan Metafora Konsepsi ialah **KASIH SAYANG ADALAH KERINDUAN**. Hal ini demikian kerana, berdasarkan unsur flora dan fauna yang dikaji dalam pantun di atas, burung merbuk dan burung merpati disamakan dengan pasangan kekasih (iaitu hidup berteman). Terbang dipetakan sebagai perasaan yang tidak terhingga kerana menimbulkan rasa di awangan. Berpusing pula dipetakan melihat kepada masa (kerana masa sentiasa bergerak). Manakala bendang merupakan tempat bermain dan tempat makan bagi burung dan sentiasa menjadi kunjungan burung ini. Hal ini boleh dikuatkan lagi dengan adanya peribahasa “tempat jatuh lagi dikenang, ini pula tempat bermain” sekali gus menunjukkan sifat kerinduan dalam pada masa yang sama. Metafora Rantaian Utama Mahkluk yang terdapat dalam data ini menunjukkan hubungan yang berkaitan di antara Flora-Fauna-Manusia. Penggabungan ini memperlihatkan susunan RUM terbukti menyatakan tatatingkat yang seragam dalam membezakan peranan tetapi ianya berkaitan dengan sifat manusia. Jadi, kajian seperti ini boleh dikatakan sebagai kajian semantik resonans (Nor Hashimah, 2014). Hal ini demikian kerana, kajian ini hanya menelusuri makna ke peringkat kognitif manusia dan pengkaji merasakan ianya tidak sepatutnya berhenti pada peringkat kognitif manusia sahaja. Oleh itu, dalam kajian ini pengkaji cuba untuk menggunakan pendekatan baru semantik inkuisitif yang telah diperkenalkan oleh Nor Hashimah Jalaluddin (2014) yang mentafsir makna puisi-puisi Melayu seperti pantun dan peribahasa sehingga mencapai akal budi dan falsafah di sebalik karya-karya Melayu. Contohnya, dalam *Pemugaran Penyelidikan Untuk Pemerksaan Bahasa dan Semantik dan Akal Budi Melayu* (Nor Hashimah Jalaluddin, 2014) telah mentafsir makna pantun Melayu dengan mengaitkan akal budi dan falsafah pemilihan objek dalam pantun seperti berikut:

Pisang emas dibawa baylor,
Masak sebiji di atas peti;
Hutang emas boleh dibayar,
Hutang budi dibawa mati.

Pembayang pantun ini sangat berkait rapat dengan maksudnya. Dalam pembayang dinyatakan makanan yang paling sesuai untuk dibawa belayar. Ternyata buah pisang yang dipilih.

Kenapa?

- i. Mengandungi segala nutrient (karbohidrat, mineral dan vitamin) yang diperlukan oleh badan ketika lapar;
- ii. Mengandungi vitamin B6 yang berguna untuk mengawal rasa mual dan muntah;
- iii. Masa masaknya tidak serentak; dan
- iv. Mempunyai kulit yang mudah untuk dibawa dan dimakan.

Mengapa hutang?

- i. Orang merantau memerlukan wang dan terpaksa berhutang bagi menampung kos pelayaran yang lama;
- ii. Hutang wajib dibayar balik;
- iii. Orang berhutang merasa terhutang budi; dan
- iv. Hanya ini kekal abadi dalam ingatan.


Tafsiran sambil menyingkap akal budi Melayu dapat menunjukkan bahawa tersemat falsafah bahasa yang mendalam pada masyarakat penuturnya. Pantun bukan sahaja sebagai penghibur malah terselit ilmu dan falsafah yang tinggi di sebaliknya. Sorotan daripada pengenalan pendekatan semantik inkuisitif ini, pengkaji cuba untuk melihat dari aspek haiwan iaitu burung pula.

3. Metodologi

3.1 Kaedah Pengumpulan Data dan Pendekatan Kajian

Metodologi merupakan bahagian yang penting dalam sesebuah kajian. Sesebuah kajian atau penyelidikan ilmiah dan saintifik memerlukan metodologi yang terancang dan sistematik. Melalui kaedah ini pengkaji lebih mudah untuk mengenal pasti data kajian supaya data yang dipilih tepat dan mudah untuk disusun.

RAJAH 3.1 Tatacara Analisis Data



Hasil daripada penelitian terhadap buku *Kurik Kundi Merah Saga Kumpulan Pantun Lisan Melayu* (1990) terdapat sebanyak 5653 rangkap pantun lisan tradisional Melayu yang pernah direkodkan oleh Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP). Secara keseluruhan sebanyak 65 pantun berkaitan dengan unsur burung yang telah dikumpulkan. Pengkaji telah mengelompokkan kepada 3 jenis burung tertinggi berdasarkan 19 jenis burung yang digunakan dalam pantun tradisional Melayu. Tiga jenis burung tersebut terdiri daripada burung Merpati, burung Tiong dan burung Pipit.


JADUAL 3.1 Nama Saintifik Burung Yang Terdapat Dalam Pantun

Bil.	Nama Tempatan	Nama Saintifik	Kekerapan
1	Burung Merpati	<i>Columba Domestica</i>	8
2	Burung Tiong	<i>Eurystomus</i>	7
3	Burung Pipit/Cak/Jelatik	<i>Lonchura Punctulata</i>	6
4	Burung Kedidi	<i>Ruddy Turnstone</i>	5
5	Burung Nuri	<i>Cacatua Roseicapilla</i>	5
6	Burung Serindit	<i>Erythrura Prasina</i>	4
7	Burung Helang	<i>Haliastur Indus</i>	4
8	Burung Enggang	<i>Anthracoboceros Malayanus</i>	3
9	Burung Punai	<i>Treron Curvirostra</i>	3
10	Burung Puyuh	<i>Coturnix Japonica</i>	3
11	Burung Gagak	<i>Corvus Corax (Common Raven)</i>	3
12	Burung Merbah	<i>Pycnonotus Finlaysoni</i>	2
13	Burung Camar	<i>Sterna Nilotica</i>	2
14	Burung Merbuk	<i>Geopelia Striata</i>	2
15	Burung Tekukur	<i>Streptopelia Chinensis</i>	2

16	Burung Pucung	Butorides Striatus	2
17	Burung Tempua	Ploceus Philippinus	2
18	Burung Merak	Pavo Muticus	1
19	Burung Perling	Sturnus Sturninus	1
Jumlah			65


Jadual 3.1 di atas menunjukkan nama burung yang terdapat dalam pantun Melayu dan nama saintifik bagi burung tersebut serta kekerapan burung tersebut digunakan.

RAJAH 3.2 Peratusan Penggunaan Burung Dalam Pantun Melayu



Rajah 3.2 di atas menunjukkan peratusan bagi bilangan penggunaan unsur burung dalam pantun Melayu dalam buku *Kurik Kundi Merah Saga* (1990).

RAJAH 3.3 Pendekatan Semantik Inkuisitif



Dalam proses untuk mentafsir makna Nor Hashimah (2014) telah mengusulkan pendekatan semantik inkuisitif yang merupakan penambahbaikan daripada semantik skrip dan semantik resonans. Di samping itu, beliau juga menegaskan bahawa semantik inkuisitif ialah semantik yang mengambil kira data autentik, semantik dan konteks, kognitif penutur, falsafah dan akhirnya dikaitkan dengan akal budi penuturnya.

3.2 Analisis Kajian

Pantun 1


*Burung merbuk burung merpati,
Terbang berpusing hala bendang;
Wajah elok menawan hati,
Siang malam hamba terkenang.*

Secara literalnya, pantun ini menggambarkan terdapat dua jenis burung iaitu burung merbuk dan burung merpati. Kedua-dua burung tersebut terbang bersama-sama, berpusing-pusing menghala ke arah bendang. Pada baris ketiga pemanutan menceritakan terdapat perempuan yang berperwatakan cantik telah berjaya memikat hati seorang lelaki. Hal ini membuatkan lelaki tersebut sentiasa merindui dan mengenangkan perempuan tersebut tidak kira siang dan malam. Pada baris pertama pantun ini telah diisi dengan dua jenis burung iaitu burung merbuk (*zebra dove*) dan burung merpati (*dove/pigeon*) yang merupakan jenis burung dalam satu keluarga yang sama iaitu *Columbidae*. Menurut Derek Goodwin (1970) dalam bukunya *Pigeon and Doves of the World*, nama saintifik bagi burung merbuk dikenali sebagai *geopelia striata* manakala burung merpati pula dikenali sebagai *columba livia*.

Menurut Jasmi Abdul (2016) pula dalam bukunya bertajuk *25 Spesis Burung Liar Semenanjung Malaysia* menyatakan bahawa makanan burung terdiri daripada bijirin seperti buah padi yang sedang masak, bijirin rumput liar dan serangga kecil yang merayap di atas tanah. Burung ini juga gemar mencari makan di kawasan lapang yang terdapat buah padi atau buah rumput yang gugur daripada tangkainya. Semasa mencari makan, kedua-dua jenis burung ini

kerap berpasangan atau berada dalam kumpulan yang agak besar. Spesis ini juga mendiami habitat yang pernah diterokai oleh manusia seperti ladang getah, ladang kelapa sawit, belukar, kawasan sawah padi dan padang ragut malah kini spesis burung ini dapat dilihat di sekitar kawasan bandar.


RAJAH 3.4 *Ad Hoc* Penyempitan Leksikal “*bendang*”



Rajah di atas menunjukkan *ad hoc* penyempitan bagi leksikal *bendang* pada baris kedua pantun ini. Dalam rajah Venn di atas pengkaji mendapati makna tersirat pada leksikal *bendang* tersebut adalah makanan seperti dalam lingkungan C sekaligus makna lain yang terdapat dalam lingkungan L digugurkan. Hal ini demikian kerana, *bendang* secara harfiahnya merujuk kepada sawah, namun secara tersiratnya pemantun ingin menyampaikan bahawa bendang merupakan sumber makanan kepada kedua jenis burung yang terdapat pada baris pertama iaitu burung merbuk dan burung merpati.

Berdasarkan proses *ad hoc* tersebut, *bendang* dirumuskan sebagai sumber makanan. *Bendang* atau juga dikenali sebagai sawah didiami oleh hidupan yang berinteraksi antara satu sama lain yang diistilahkan sebagai ekosistem. Ekosistem merupakan sistem yang melibatkan interaksi antara suatu komuniti (haiwan, tumbuhan dan sebagainya) dengan alam persekitarannya yang tidak bernyawa (Kamus Dewan, 2015). Terdapat perkaitan hubungan yang erat di antara organisme yang terdapat dalam ekosistem. Setiap organisme tersebut tidak dapat hidup sendiri dan selalu bergantung pada organisme yang lain dan lingkungannya. Sifat saling kebergantungan ini akan membentuk suatu pola interaksi. Interaksi antara benda hidup dengan benda hidup yang lain terjadi melalui rangkaian peristiwa siratan makanan. Berikut ditunjukkan rajah siratan makanan di sawah padi:

RAJAH 3.5 Siratan Makanan Di Sawah



Siratan makanan di sawah meliputi sumber makanan yang paling asas iaitu tumbuhan hijau iaitu padi. Jadi, secara ringkasnya ekosistem ini berinteraksi antara satu sama lain yang melibatkan pengeluar (padi), pengguna primier (burung, belalang dan tikus), pengguna sekunder (burung, ayam dan ular) dan pengguna tertier (helang). Rajah di atas dapat menunjukkan burung seperti burung merbuk dan burung merpati bukan hanya memakan bijian bahkan turut memakan serangga kecil seperti belalang. Melalui siratan makanan ini pengkaji mendapati kawasan sawah padi merupakan sumber makanan dan air bagi kedua-dua burung yang terdapat dalam pantun tersebut.

*Burung merbuk burung merpati,
Terbang berpusing hala bendang;*

Maksud yang ingin disampaikan pada baris pertama dan baris kedua pantun ini ialah setiap burung akan keluar untuk mencari makanan bagi meneruskan kehidupan. Jadi, kawasan bendang merupakan salah satu tempat yang strategik untuk mendapatkan sumber makanan bagi keperluan harian mereka. Di sini menunjukkan bahawa bendang menjadi punca pengharapan bagi burung-burung tersebut untuk mendapatkan sumber makanan dan air. Seterusnya, pengkaji cuba untuk merungkai makna pada baris ketiga dan keempat.

*Wajah elok menawan hati,
Siang malam hamba terkenang.*

Pengkaji mendapati bahawa maksud tersirat bagi baris ketiga dan keempat ini menunjukkan seorang lelaki telah tertawan akan seorang perempuan yang berperwatakan cantik sehingga lelaki tersebut menjadi bingung dan tidak keruan. Kedua-dua baris isi ini mempunyai kesinambungan daripada pembayang yang terdapat pada baris satu dan baris dua di atas.

Pemantun cuba untuk menggambarkan keresahan dan kegelisahan yang dihadapi oleh lelaki tersebut setelah mula tertawan akan perempuan tersebut. Menurut Stephanie Ortigue (2010), seorang penulis *Neuroimaging of Love: fMRI Meta-Analysis Evidence toward New Perspectives in Sexual Medicine* sekiranya manusia sedang dilamun cinta, 12 bahagian pada otak akan melepaskan tindak balas kimia dan hormon. Akibat daripada tindak balas tersebut akan menjadikan seseorang itu berasa gementar, bertukar suara menjadi halus secara tiba-tiba, mula memikirkan yang bukan-bukan dan menjadi gelisah. Di samping itu, memetik daripada kata-kata beliau yang telah diterjemahkan oleh pengkaji:

“Jantung akan berdegup kencang apabila dilamun cinta kerana, cinta adalah sesuatu yang mempunyai kuasa dari segi psikologi, di mana perasaan cinta itu sendiri mampu menyebabkan seseorang itu berasa gementar, meningkatkan degupan jantung, hilang selera makan dan menyukarkan seseorang itu untuk tidur malam.”

[Journal of Sexual Medicine: 3541-3552]

Berdasarkan maklumat dan petikan kata-kata di atas, pengkaji mendapati makna yang dibawa pada baris ketiga dan keempat dalam pantun 1 di atas jelas menunjukkan bahawa lelaki yang sedang dilamun cinta tersebut berada dalam keadaan gelisah dan memikirkan sesuatu. Secara keseluruhan pantun ini dapat kita lihat bahawa gambaran terhadap burung tersebut mewakili kelakuan manusia mengikut situasi pada pandangan masyarakat Melayu terdahulu. Melalui pendekatan semantik inkuisitif, pengkaji cuba mencungkil falsafah masyarakat Melayu terhadap unsur burung yang digunakan dalam pantun 1 ini. *Bendang* merupakan kawasan yang menjadi salah satu pengharapan bagi burung-burung untuk mendapatkan makanan termasuklah burung merpati yang ingin diketengahkan oleh pengkaji dalam pantun ini.

Kelakuan burung merpati dan merruk yang berpusing-pusing menggambarkan bahawa manusia yang berada dalam kegelisahan dan sedang mencari sesuatu yang masih belum pasti jawapannya. Hal ini ditonjolkan pada tempat atau kawasan yang dituju iaitu *bendang*. Muncul persoalan di sini, mengapa ke *bendang*? Tidak ke hutan mahupun sungai? Hal ini demikian kerana, masyarakat Melayu menganggap bahawa *bendang* merupakan tempat yang luas dan terbentang, menjadi punca rezeki bukan sahaja kepada manusia tetapi juga haiwan. Di sini juga aktiviti bertani yang melibatkan bukan sahaja golongan tua tetapi remaja. Merpati seperti anak teruna yang dapat mencari teman hidup di *bendang*. Ini dapat dianalogikan dengan gelagat merpati. Jadi, perkara yang ditonjolkan dalam pantun ini adalah pengharapan yang diharapkan oleh lelaki tersebut akan cintanya terhadap perempuan tersebut adalah positif dan sekaligus menunjukkan bahawa dia tidak betepuk sebelah tangan. Bagi mengukuhkan lagi interpretasi pengkaji di atas, pengkaji mengumpulkan bukti-buktinya daripada sumber-sumber korpus PRPM yang menunjukkan kolokasi penggunaan burung merpati terhadap tema kasih sayang seperti berikut

JADUAL 3.2 Sumber Korpus PRPM berkaitan Burung Merpati

1. Berasaskan cinta yang amat mendalam, dua ***merpati*** ini percaya, tiada apa yang dapat memisahkan mereka.
 2. Tetapi, di sela-sela nostalgia silam tersebut sepasang ***merpati*** tua ini tetap yakin akan kedatangan kereta kencana ...
 3. Itu, macam belangkas lagi, eh, eh, tidak, macam ***merpati*** sejoli kelakuan mereka berhimpit-himpit di tebing tasik.
 4. Sebab itu lagaknya seperti jinak-jinak ***merpati***.
 5. ...riang dan pasti orang ramai menyangka kami sepasang ***merpati*** yang paling bahagia.
 6. Pelamin dihias indah istimewa buat ***merpati*** dua sejoli.
 7. ***Merpati*** dua sejoli Rin masih tetap menyayangi Amin walaupun ...
 8. Memutih kasih kami dalam relung nyanyi batini sejuta ***merpati***.
 9. ... Isfahan, Iran yang mengumpulkan baja daripada ribuan burung ***merpati***.
 10. "Mana pergi-nya ***merpati*** sa-joli tadi, Tuan Hess?" Enche' Ramli menchari teman Sinar mata ibu ***merpati*** yang kelabu itu, menyeksa jiwanya.
-

4. Dapatan Kajian

Kajian terhadap pantun dari segi penelitian makna ini telah berjaya dan mencapai objektifnya. Kajian ini mempunyai 3 matlamat utama iaitu;

- i. Mengkategorikan burung mengikut tabiatnya dalam pantun Melayu,
- ii. Menganalisis kolokasi, pembayang dan makna dengan menggunakan konsep *ad hoc*,
- iii. Menghurai pemikiran dan tafsiran akal budi Melayu di sebalik kolokasi, pembayang dan makna pantun yang berunsurkan burung dengan mengaplikasikan pedekatan semantik inkuisitif.


Bagi menjawab objektif pertama, pengkaji memfokuskan pantun Melayu yang berunsurkan burung kepada tiga jenis burung iaitu burung merpati, burung pipit, dan burung tiong. Ketiga-tiga burung tersebut dipilih berdasarkan kepada kekerapan dominan yang terdapat dalam pantun *Kurik Kundi Merah Saga Kumpulan Pantun Lisan Melayu* (1990). Walaupun terdapat pelbagai jenis burung yang hadir dalam pantun, kesemua jenis burung tersebut tidak dapat menandingi kekerapan yang hadir bagi burung merpati, pipit dan tiong.

4.1 Dapatan

Setelah diteliti pantun yang mengandungi unsur burung ini, penerapan terhadap konsep *ad hoc* sama ada *ad hoc* penyempitan dan perluasan serta pendekatan semantik inkuisitif telah berjaya merungkai makna sebenar yang ingin disampaikan melalui pantun Melayu. Masyarakat Melayu bukan hanya memandang burung sebagai fauna yang beterbangun di langit, namun 'burung' dalam pantun membawa pelbagai mesej dan pengajaran kepada kita. 'Burung' melambangkan

kehidupan manusia yang merangkumi dari pelbagai aspek terutamanya aspek sosial. Pengkaji menggambarkan perlambangan burung terhadap manusia seperti berikut:

RAJAH 4.1 Perlambangan Burung – Manusia



Rajah 4.1 di atas, pengkaji telah mengelompokkan tiga domain di bawah satu ciri pengikat yang mewakili tiga burung yang telah dipilih iaitu burung merpati, burung tiong, dan burung pipit. Berdasarkan daripada pemerhatian dan penilaian pengkaji berdasarkan terhadap pantun-pantun yang melibatkan ketiga-tiga burung ini, pengkaji cuba menyatakan bahawa haiwan “burung” melambangkan “manusia” seperti burung merpati melambangkan kasih sayang antara manusia, burung pipit melambangkan darjat antara manusia dan burung tiong melambangkan kedukaan dan kekecewaan dalam kalangan manusia. Hal ini demikian kerana, pengkaji menggunakan konsep *ad hoc* untuk merungkai maksud tersirat data pantun tradisional Melayu pada peringkat kognitif manusia dan seterusnya mencungkil akal budi dan falsafah Melayu menggunakan pendekatan semantik inkuisitif. Ketiga-tiga aspek ini merupakan aspek penting dalam kehidupan manusia iaitu kasih sayang, darjat dan kedukaan.

Burung menunjukkan bahawa setiap perilaku dan kehidupan manusia sebenarnya telah dikiaskan dalam pantun suatu ketika dahulu oleh orang Melayu terdahulu. Pemerhatian mereka sangat tajam kerana pemilihan unsur burung dalam pantun merupakan rujukan terhadap kehidupan manusia sejagat. Secara tidak langsung pendekatan semantik inkuisitif ini dapat mencungkil dan menemui akal budi serta falsafah di sebalik pembentukan pantun tersebut. Malah turut dikukuhkan lagi dengan bukti-bukti secara saintifik.

4.2 Perbincangan

Akhir sekali, berdasarkan pandangan pengkaji penggunaan burung dalam pantun Melayu mempunyai tujuan yang tertentu yang hampir sama. Sebagai contoh, penggunaan burung punai yang dipadankan bersama-sama burung tiong yang melambangkan kesedihan mempunyai persamaan dengan tema burung merpati. Berdasarkan pengamatan pengkaji, pantun yang menggabungkan burung tiong dan burung punai ini menggambarkan kesedihan yang dihadapi oleh pasangan kekasih yang hubungannya terputus di tengah jalan. Bukti, apabila diteliti semula sifat dan ciri-ciri, burung punai tersebut yang merupakan satu keluarga dengan burung merpati yang melambangkan tema pantun kasih sayang. Contohnya, baris pembayang “*burung merruk burung merpati*” yang merujuk kepada baris maksud “*wajah elok menawan hati*” yang

menggambarkan perhubungan kekasih yang sedang bercinta. Hal ini hampir sama dengan ayat “*punai turun dinihari*” yang juga merujuk kepada perhubungan kekasih, tetapi apabila digabungkan bersama burung tiong baris maksud pantun ini menjadi “*bercerai kasih bujang panau*” yang membawa tema kesedihan dalam perhubungan kasih sayang. Jadi, di sini menunjukkan penggunaan objek burung dalam pantun Melayu bukan sekadar penyedap rima semata-mata, namun diteliti perhubungan antara objek yang digunakan dalam pantun tersebut.

Tuntasnya, ketajaman dan kebijaksanaan pemikiran Melayu turut terserlah dan tergambar dalam pantun berunsurkan burung. Bagaimana orang Melayu dahulu menyematkan mesej melalui objek dan imej yang telah dianalogikan melalui ungkapan pantun amat mengagumkan. Malah, kebolehan masyarakat Melayu dahulu ini di luar kotak pemikiran masyarakat Melayu kita pada hari ini. Di sebalik penciptaan pantun berunsurkan burung ini di dalamnya terkandung perkaitannya dengan akal budi dan falsafah penciptanya. Sebenarnya, orang tua dahulu mahu anak cucu mereka sentiasa tahu diri, tahu adab, serta tahu berbudi dan berbahasa.

5. Rumusan Dan Cadangan

Secara keseluruhannya, dapat disimpulkan bahawa pengkaji telah menepati objektif yang telah diutarakan dalam kajian ini. Pengkaji juga berjaya menghuraikan data yang berkaitan dengan pantun yang berunsurkan burung. Penghuraian data adalah berpandukan kepada pendekatan semantik inkuisitif, di samping mengaplikasikan konsep *ad hoc*. Kajian ini juga telah membuktikan bahawa pentingnya untuk mencungkil makna sebenar sehingga menemui akal budi dan falsafah di sebalik pembentukan sesuatu ungkapan kiasan seperti pantun. Ini bukan sahaja dapat membantu pembaca mahupun pendengar untuk memahami maksud tetapi secara tidak langsung pembaca mahupun pendengar akan lebih menghayati maksud dan mesej yang hendak disampaikan oleh nenek moyang kita dahulu. Masyarakat Melayu dahulu mencipta ungkapan metafora bukan sekadar suka-suka ibarat ‘melepaskan batuk di tangga’ tetapi di dalamnya terkandung 1001 ilmu, nasihat dan pengajaran sebagai bekalan kepada kita agar kita tahu diri, tahu asal usul, berpekerti serta tahu adab sopan diri kita yang bergelar ‘anak Melayu’.

Beberapa cadangan kajian telah difikirkan dalam proses menjalankan kajian ini. Pengkaji seterusnya mencadangkan untuk mengkaji cara pemikiran, akal budi, dan falsafah di sebalik penggunaan objek-objek lain dalam puisi Melayu yang terdiri daripada pantun, peribahasa, simpulan bahasa, gurindam, sajak, teromba dan syair. Antara objek yang menarik perhatian pengkaji adalah seperti sistem pengangkutan yang terdapat dalam kesemua jenis puisi Melayu. Walaupun pengumpulan data menjadi lebih besar, tetapi hal ini dapat menghasilkan satu penyelidikan yang lebih menarik. Melalui pendekatan semantik inkuisitif ini pengkaji akan datang dapat mencungkil makna sebenar mengenai sistem pengangkutan yang terdapat dalam puisi Melayu.

Rujukan

Al- Quran.

Francois Rene Daillie. 1988. *Alam pantun Melayu*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka

-
- G. C. Madoc. 1956. *An Introduction to Malayan Birds*. Kuala Lumpur: The Malayan Nature Society.
- G. W. H. Davison & Chew Yen Fook. 1995. *A Photographic Guide to Birds of Peninsular Malaysia and Singapore*. UK: New Holland Publisher LTD.
- Hassan Ahmad. 2003. *Metafora Melayu: Bagaimana Pemikir Melayu Mencipta Makna dan Membentuk Epistemologinya*. Bangi. Akademi Kajian Ketemadunan.
- Jasmi Abdul. 2016. *25 Spesies Burung Liar Semenanjung Malaysia*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka. Permai Padujaya Sdn. Bhd.
- Kamus Dewan Edisi Keempat. 2005. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Kamus Dewan Edisi Keempat. 2007. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Kamus Dewan Edisi Keempat. 2015. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- M. W. F. Tweedie. 1960. *Common Malayan Birds*. London: Longmans, Green and Co LTD Publishing Sdn. Bhd.
- Muhammad Fadzillah Hj Zaini (2015) *Analisis Pemetaan Metafora Unsur Flora dan Fauna dalam Pantun Melayu: Satu Tinjauan Awal* UPM. Seminar Antarabangsa Linguistik dan Pembudayaan Bahasa Melayu IX.
- Nor Hashimah Jalaluddin. 2014. *Semantik dan Akal Budi Melayu*. Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Nor Hashimah Jalaluddin. 2014. Pragmatik. Dlm. Fadzeli Jaafar. (pnyt.). *Pengenalan Linguistik Teoretis dan Aplikasi*, hlm 88-112. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka
- Wan Yusof Hassan, Jazamuddin Baharuddin, Mohamad Shaidan & Zullkeply Mohamad. 1990. *Kurik Kundi Merah Saga: Kumpulan Pantun Lisan Melayu*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.